

**Projek Seni; Temporary
Installation Public Sculpture
‘PENAMBANG’**

IDEA DAN REKABENTUK
AWANG MO ZAKI

KAMPUNG PULO HILIR, PETRA JAYA,
20350 KUCHING, SARAWAK
awgmozaki@gmail.com

BIODATA ARTIS



AWANG MO ZAKI

Awang Mohd. Zaki Bin Awang Suhaili adalah seorang seni Pengarca yang mengutamakan penggunaan bahan besi terbuang dan telah berkecimpung dalam dunia seni sejak 2015. Beliau telah menamatkan pengajiannya dalam Ijazah Sarjana Muda dalam Seni Lukis & Seni Reka – Seni Halus dari UiTM Shah Alam pada tahun 2020.

Beliau sekarang bergiat dalam beberapa pertandingan seni yang telah dianjurkan melalui norma baharu. Beliau juga pernah terlibat dengan projek Mural berdekatan Jalan Market dan The Electra House Shopping Mall pada 2017. Pada 2018 beliau terlibat dengan 100 Tong Drum Art di SACC WALK.

Karya-karya beliau kebanyakannya tertumpu kepada penggunaan bahan besi. Karya beliau juga pernah terpilih untuk pertandingan Waste To Art Sculpture di Galeri Shah Alam. Beliau juga pernah menyertai ONE over TWO KLIMEX 2019. Pada 2019 beliau bersama ahli kumpulannya telah menyertai IIDEX 2019 dengan membawa LDPE Plastic Waste sebagai media dalam membuat seni cetak dan mendapat Bronze Award. Pada 2020 beliau telah terpilih sebagai finalis Visial Art Project 4, dan juga sebagai finalis bagi Pertandingan SPOTLIGHT yang dianjurkan oleh Penang Art District.

awgmozaki@gmail.com

+60148998046

PENGENALAN

Arca Awam antara disiplin seni yang semakin mendapat tumpuan dalam pembangunan sesebuah Bandar. Di bandaraya Kuching arca awam yang telah dibina dan kebanyakannya didirikan di tengah bulatan jalan raya dengan beberapa justifikasi. Arca awam ialah sebagai ikon sesebuah organisasi, arca awam sebagai mercu tanda dan sebagai cerminan budaya setempat. Di zaman yang kian maju dan canggih ini, pembangunan sesebuah lokasi harus ada simbolik dengan kewujudan estetika moden yang dapat menambah nilai sesuatu lokasi, Kawasan maupun pihak peminanya.

Dalam konteks Kuching selaku pusat bandaraya yang semakin maju dan moden, pembinaan arca sebagai symbol kemodenan pemikiran dan estetika harus diberikan penekanan. Projek pembinaan arca awam ini merupakan kesempatan bagi pengarca untuk berkongsi ilmu dan juga proses pengindahan dan penceriaan kawasan tersebut. Cadangan pembinaan arca awam dilokasi yang telah dikenalpasti diharapkan dapat menyimbangi pembangunan fizikal yang kian rancak di Kuching.

IDEA DAN KONSEP

Seni instalasi dalam bentuk kertas origami SAMPAN ini adalah merupakan satu penghargaan buat Perahu Tambang seluruh sungai Sarawak yang dilaporkan telah beroperasi sejak tahun 1800-an semenjak perdagangan antara kaum Melayu, Dayak dan Cina. Malah, perkhidmatan Bot Penambang ini turut dijalankan sampai ke hari ini. Bentuk origami sampan ini akan wujud dalam pelbagai warna seperti melanbangkan warna warni kek lapis dalam masa yang sama.

“PENAMBANG” merupakan sebuah arca yang membawa konsep Pemandu perahu tambang yang mengambil dan menghantar penumpang yang ingin pergi dan balik dari kawasan kampung dan bandar. Kampung-kampung Melayu di sekitar kubu dan Astana telah wujud sebelum Rajah pertama tiba di Kuching. Ini kerana penempatan tradisional Melayu dapat ditemui di sepanjang tebing sungai kerana ia memudahkan penyambungan yang membantu sosioekonomi mereka.

Rumah-rumah yang dibina sangat rapat antara satu sama lain dan dipisahkan oleh terusan. Oleh itu, penduduk di kawasan kampung-kampung ini harus memiliki perahu kecil atau perahu tambang. Ia ibarat pemilikan kereta zaman moden dan perahu tambang adalah teksi (seperti Grab) yang sama ada dibina sendiri atau tukang kayu yang diupah.

Sebelum wujudnya jambatan Darul Hana, penggunaan penambang untuk menyeberang sungai ke dan dari pusat bandar adalah perkara biasa. Walaupun wujudnya jalan darat untuk pergi ke seberang, kebanyakan orang lebih suka menggunakan Bot Penambang sebab ia mudah dan jimatkan masa. Oleh itu, kebanyakan pelajar yang tinggal di Kawasan kampung-kampung seberang seperti Kampung Seberang Hilir akan menggunakan penambang semasa pergi atau balik dari sekolah dan ibu bapa mereka akan menghantar atau menunggu anak mereka di pengkalan seberang.

SUBJEK KAJIAN

Bentuk arca ini dihasilkan dari rujukan seni origami bentuk sampan yang di pelajari sejak zaman sekolah lagi. Pemilihan perahu tambang lama sebagai rujukan adalah kerana perahu tambang ini adalah pengangkutan utama bagi warga kampung untuk ke seberang sungai yang masih digunakan sehingga sekarang. Selain itu bentuk perahu tambang lama ini juga adalah antara lambang kaum Melayu Sarawak. Pemilihan struktur bentuk perahu tambang lama ini juga dipilih kerana sudah ada yang telah mengubah bentuk perahu tambang itu sendiri kepada bentuk yang lebih moden dan melupakan unsur-unsur bentuk perahu tambang lama itu sendiri. Origami sampan ini sangat unik dan mudah untuk di bentukkan juga mudah untuk mendapatkan kerjasama dari komuniti bagi membantu membuat origami sampan ini.

LOKASI

Pengarca mencadangkan lokasi yang di pilih bagi mendirikan arca instalasi ini adalah di dua kawasan medan selera Kampung Boyan dan sekitar kedai kek lapis Mira Cake House.\


BAHAN DAN TEKNIK

Pengarca mencadangkan arca diperbuat daripada majalah terpakai dan kertas yang terbuang dengan teknik seni melipat kertas atau lebih dikenalai Origami. Justifikasi kenapa menggunakan kertas dan majalah terbuang kerana bahan ini unik dan jarang digunakan. selain itu, bahan ini juga mudah didapati dan mesra alam. Penggunaan bahan dan teknik ini tidak menggunakan kos yang tinggi dan mudah untuk di bentuk dan juga mudah mendapatkan bantuan dari komuniti dalam melibatkan diri dalam projek ini.


PERANCANGAN PROJEK



Fasa Persediaan ini ialah mengumpul bahan-bahan kertas dan majalah terpakai bagi membuat bentuk origami sampan dan menyebarkan kepada komuniti kampung.



Fasa Pembinaan ini ialah mengumpul bentuk origami daripada komuniti kampung dan membawa ke lokasi pembinaan untuk membuat proses pembinaan dan penyusunan origami sampan tersebut.



Fasa selepas ini ialah selepas pembinaan arca instalasi ini akan dibuka kepada para komuniti dalam masa tertentu dan mungkin dirasmikan oleh Ketua Kampung atau YB kawasan kampung tersebut.



ARCA ORIGAMI PENAMBANG

BEBERAPA SUDUT PANDANGAN ARCA PENAMBANG YANG DIAMBIL DARI MODEL



Pandangan dari sisi atas.

Pandangan dari sisi hadapan.



Pandangan dari sisi belakang.

KARYA AKHIR PENAMBANG

DALAM KONTEKS SENI KONTEMPORARI ATAU SEZAMAN, PROJEK PROJEK SENI; TEMPORARY INSTALLATION PUBLIC SCULPTURE ‘PENAMBANG’INI AKAN WUJUD DALAM BENTUK INSTALASI DI BEBERAPA KAWASAN YANG TERPILIH. PROJEK INI AKAN MELIBATKAN PARA KOMUNITI KAMPUNG DALAM PROSES PENYEDIAANNYA DAN AKAN DI INSTALASI SECARA RAWAK DI SEKITAR KAWASAN PEMBINAAN BAGI. PROJEK INI JUGA KANA MENJADI SATU PROSES KETERLIBATAN, KOMUNIKASI, SERTA KOLABORASI BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG BAGI MENJAYAKAN PROJEK INI SEBAGAI SEBUAH KARYA. DALAM MASA YANG SAMA, PROJEK INI JUGA AKAN DI DOKUMENTASI DALAM BENTUK GAMBAR ATAU VIDEO.

ARCA ORIGAMI PENAMBANG

**ANTARA CONTOH PROJEK YANG MENJADI
INSPIRASI DAN RUJUKAN UNTUK PENGARACA**



NAJLA EL ZEIN
THE WIND PORTAL
8 FT
LEBANESE
2013

Central Institute of Technology
SCULPTURE BY THE SEA
AUSTRALIA
2011



ANGGARAN KOS PROJEK

PERSEDIAN BAHAN DAN PEMBINAAN

- BAHAN KERTAS DAN MAJALAH TERPAKAI - RM200
-

PENGHARGAAN KEPADA KOMUNITI

- BAJU PENYERTAAN - RM800
-

DOKUMENTASI GAMBAR ATAU VIDEO

- PENGAMBARAN DAN RAKAMAN VIDEO - RM500
-

KESIMPULAN

BERDASARKAN PROJEK AKHIR INI NANTI, IANYA AKAN MENYUMBANG SEDIKIT ILMU PENGETAHUAN DALAM BIDANG SENI KEPADA KOMUNITI KAMPUNG DALAM KONTEKS ARCA INSTALASI. PARA KOMUNITI AKAN TERBUKA SPEMIKIRANNYA DALAM KONTEKS SENI DAN MEMBERI PELUANG KEPADA PENGKARYA LAIN UNTUK BERKARYA DI KAWASANINI.INI KERANA PARA KOMUNITI TIDAK DIDEDEAHKAN UNSUR DAN MAKSUD SENI ITU SENDIRI DAN DIHARAPKAN MELALUI PROJEKINI MEREKA AKAN LEBIH MENGETAHUI TENTANG SENI LEBIH MELUAS.